

Tiada perpecahan dalam Umno

Majlis Tertinggi nyatakan sokongan padu terhadap kepemimpinan Pak Lah

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad dan Jalal Ali Abd Rahim

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam sebulat suara menyokong kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan Presiden parti.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sokongan itu yang dinyatakan semua pemimpin Umno pada peringkat negeri dan Pusat membuktikan tidak wujud perpecahan dalam parti ekoran kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kerajaan baru-baru ini.

"Tidak ada pemimpin utama yang tidak sokong Abdullah sebagai Perdana Menteri atau Presiden Umno dan tidak ada 'faction' (puak) dalam

Umno," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat MT Umno selama kira-kira tiga jam di sini.

Kelmarin, Abdullah meminta semua pihak tidak membuat sebarang andaian negatif mengenai senario politik negara ekoran kritikan Dr Mahathir terhadap pentadbiran kerajaan.

Bekas Perdana Menteri itu baru-baru ini melemparkan kritikan paling keras terhadap pentadbiran Abdullah dan menuntut kerajaan memberi penjelasan mengenai beberapa isu termasuk pembatalan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor dan penjualan MV Agusta oleh Proton.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, MT mengambil pendirian bahawa kerajaan berhak membuat apa-apa keputusan dan dasar

"Kita beri penerangan sebaik-baiknya. Kalau ada pihak tak senang liati lagi, termasuk Tun (Dr Mahathir Mohamad)... apa boleh kita buat, tapi kita akan beri penjelasan"

Abdullah Ahmad Badawi
Presiden Umno

berasaskan situasi serta keadaan semasa.

"MT mengambil kira bahawa semua keputusan yang dibuat adalah berasaskan kepada kepentingan rakyat," katanya.

Beliau berkata, MT membuat keputusan menyokong kepimpinan Abdullah berdasarkan tiga perkara penting, iaitu;

- Menyedari bahawa mandat yang diberi rakyat kepada Abdullah sebagai Perdana Menteri pada Pilihan Raya Umum 2004 adalah mandat yang sangat meyakinkan dan oleh itu amanah rakyat itu adalah amanah suci yang perlu ditunaikan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh;

- Mengambil kira bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah rancangan yang amat penting untuk kesejahteraan

rakyat dan masa depan negara, maka pimpinan Abdullah amat penting untuk merealisasikan matlamat RMK-9; dan

- Umno komited kepada Wawasan 2020, iaitu satu matlamat induk, dan oleh itu perlu menentukan bahawa pimpinan politik bersatu dan mampu untuk mencapai matlamat yang sangat penting itu.

Najib berkata, jika ada lagi kritikan daripada Dr Mahathir atau mana-mana pemimpin lain, maka penjelasan akan diberi secara objektif dengan menghuraikan fakta seera baik dan sopan.

MT juga, katanya, mengingatkan pemimpin parti pada semua peringkat supaya melaksanakan amanah membela rakyat serta membawa pembangunan ke seluruh negara sebaik mungkin.